

19.2.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

CUACA PANAS DAN KEMARAU DI PULAU PINANG: PBAPP TINGKATKAN AMARAN UNTUK JIMAT DAN KURANGKAN PENGGUNAAN AIR.

- **Kapasiti efektif Empangan Air Itam turun daripada 92.2% pada 1.1.2019 kepada 67.3% pada 18.2.2019.**
- **Pengguna-pengguna air dinasihati menggunakan air secara berhemah.**

PULAU PINANG, Selasa, 19.2.2019: Oleh kerana cuaca panas dan kemarau, kapasiti efektif Empangan Air Itam menurun sebanyak 24.9% dalam tempoh 1.1.2019 - 18.2.2019.

Jadual berikut menunjukkan ringkasan perubahan kapasiti efektif dua empangan utama Pulau Pinang sejak awal tahun ini:

Empangan	Kapasiti Efektif		Perbezaan
	1.1.2019	18.2.2019	
Empangan Air Itam	92.2%	67.3%	- 24.9%
Empangan Teluk Bahang	78.8%	79.1%	+ 0.3%

Taburan hujan yang rendah adalah sebab utama penurunan dramatik dalam kapasiti efektif Empangan Air Itam. Dalam tempoh 1.1.2019 - 18.2.2019, tolok taburan hujan di empangan ini mencatatkan hanya 94 mm hujan.

Sebagai perbandingan, tolok taburan hujan di Teluk Bahang mencatatkan 172.5 mm hujan sejak 1.1.2019.

Sehubungan itu, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

telah melaksanakan langkah-langkah kawalan bekalan air musim kemarau untuk memastikan bekalan air berterusan sehingga tiba musim hujan.

Sila ambil perhatian bahawa Empangan Air Itam menyimpan air mentah yang digunakan untuk operasi bekalan air di bandar Air Itam dan kawasan sekitarnya.

PENGGUNAAN AIR YANG TINGGI DI AIR ITAM

Penggunaan air yang tinggi adalah sebab sekunder untuk penurunan ketara dalam kapasiti efektif Empangan Air Itam sejak 1.1.2019.

Tahun lepas, dalam tempoh 1.1.2018 - 18.2.2018, purata pengambilan air harian dari Empangan Air Itam adalah 0.15% daripada kapasiti efektif setiap hari. Jadual berikut menunjukkan peningkatan dalam pengambilan air mentah dari Empangan Air Itam sejak 1.1.2019:

Tempoh masa	Purata Pengambilan Harian	Peningkatan
1.1.2018 – 18.2.2018	0.15%	-
1.1.2019 – 31.1.2019	0.40%	+ 167%
1.2.2019 – 18.2.2019	0.64%	+ 327%

Adalah jelas, penggunaan air di bandar Air Itam dan kawasan sekitarnya telah meningkat disebabkan keadaan cuaca panas dan kering, ditambah pula dengan sambutan perayaan, dalam tempoh 1.1.2019 - 18.2.2019.

Tahap penggunaan air yang tinggi ini agak gawat, terutama apabila simpanan air mentah di Empangan Air Itam mengalami penurunan yang ketara.

Oleh itu, PBAPP memohon kerjasama dan timbang rasa daripada semua pengguna air di Air Itam dan kawasan sekitarnya.

Sila kurangkan penggunaan air harian anda dengan segera.

Rakyat juga perlu memainkan peranan mereka untuk jimat air bagi menyokong dasar “tiada catuan air” Pulau Pinang. Sila ambil perhatian bahawa kita tidak boleh meramalkan dengan tepat bila hujan akan tiba untuk mengisi semula Empangan Air Itam.

TIP JIMAT AIR



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

1. Petua penjimatan air yang paling penting adalah untuk sebaik mungkin, elakkan menggunakan hos.
2. Pengguna perlu mengelakkan mencuci kereta atau motosikal mereka dengan kerap. Jika kenderaan anda kotor, sila gunakan baldi, span dan kain basah untuk membersihkannya.
3. Siram pokok dan taman anda dengan menggunakan bekas siraman dan bukannya menggunakan hos.
4. Betulkan semua pili paip atau sistem tandas bocor dengan segera.
5. Jangan biarkan mana-mana paip mengalir begitu sahaja. Ajar anak-anak anda untuk menutup paip dengan betul.

Untuk tip jimat air yang lebih, sila lawati www.pbapp.com.my.

Sila gunakan air secara berhemah sepanjang musim panas dan kemarau ini di Pulau Pinang. Kita harus bekerjasama untuk jimat menggunakan air sehingga tiba musim hujan.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



PBAPP : HOT AND DRY WEATHER IN PENANG SINCE 1.1.2019



PBAPP : AIR ITAM DAM STORES RAW WATER THAT IS USED FOR WATER SUPPLY SERVICES IN THE TOWNSHIP OF AIR ITAM AND SURROUNDING AREAS.



PBAPP : AIR ITAM DAM EFFECTIVE CAPACITY AT 67.3% ON 18.2.2019.